

## ALIRAN PENGAJIAN TARANNUM DI NEGERI KELANTAN SEBELUM DAN SEMASA ERA FARIDAH BINTI MAT SAMAN SERTA KESAN DARI PENGARUH BELIAU TERHADAP BACAAN QARI DAN QARIAH DI NEGERI KELANTAN<sup>(\*)</sup>

*(The Flow of Tarannum Study in the State of Kelantan Before and  
During Faridah Binti Mat Saman's Era and Her Influence  
Towards Qari and Qariah in the State of Kelantan)*

Shafiza Safie<sup>1</sup>, M.Y Zulkifli Haji Mohd Yusoff<sup>2</sup>, Khadher Ahmad<sup>3</sup>

### ABSTRACT

The state of Kelantan is a famous state with tarannum figure among qari and qariah. This also includes the most popular figure in tarannum among qariah which is Faridah binti Mat Saman. This article aims to highlight the flow of tarannum study in the state of Kelantan before and during Faridah binti Mat Saman's era and her influence towards tarannum that recite by qari and qariah which trigger a positive development of tarannum studies in the State of Kelantan. The authors state that the era of Faridah binti Mat Saman was from 1948 to 1959 while the 1960s to 2018 were the time or during of her era. The results show that there is a change in the flow of tarannum study in this state and in Malaysia as well. This change takes place both before and during the era of Faridah Mat Saman in the flow of tarannum which is from *Hijāzī* to *Miṣrī*. However, these changes are intended to improve the tarannum itself and to produce a competitive and quality qari and qariah community. She also show that she had given a good influence to the reciter of tarannum which are qari and qariah in the State of Kelantan in order towards a positive development of tarannum studies in the State of Kelantan and Malaysia in general.

**Keywords:** *Flow, Hijāzī, Miṣrī, Influence, Faridah Binti Mat Saman.*

---

<sup>(\*)</sup> This article was submitted on: 25/04/2020 and accepted for publication on: 11/06/2020.

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Kelantan  
Emel: shafizasafie@yahoo.com

<sup>2</sup> Profesor Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

## ABSTRAK

Negeri Kelantan merupakan negeri yang lahirnya tokoh-tokoh tarannum samada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Ini termasuk juga johan qariah terbanyak negara iaitu Faridah binti Mat Saman. Artikel ini bertujuan untuk mengenengahkan tentang aliran pengajian tarannum di negeri Kelantan sebelum dan semasa era Faridah binti Mat Saman di samping kesan dari pengaruh beliau terhadap bacaan qari dan qariah yang mencetuskan perkembangan pengajian tarannum yang positif di negeri Kelantan. Penulis menetapkan tahun 1948 hingga tahun 1959 adalah zaman sebelum era Faridah binti Mat Saman manakala 1960 sehingga 2018 adalah zaman semasa era beliau. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perubahan aliran pengajian tarannum di negeri tersebut dan sekaligus Malaysia. Perubahan ini berlaku samada sebelum dan semasa era Faridah binti Mat Saman terhadap aliran tarannum itu sendiri iaitu dari tarannum aliran *Hijāzī* kepada tarannum aliran *Miṣrī*. Namun perubahan ini berlaku demi penambah baikkan ilmu tarannum itu sendiri dan melahirkan masyarakat serta qari dan qariah yang berdaya saing dan berkualiti. Ia juga menunjukkan bahawa Faridah binti Mat Saman telah memberi kesan dari pengaruh beliau yang baik terhadap bacaan qari dan qariah di negeri Kelantan yang membawa kepada perkembangan pengajian tarannum yang positif khususnya di negeri Kelantan dan Malaysia umumnya.

**Kata Kunci:** *Aliran, Hijāzī, Miṣrī, Kesan Dari Pengaruh, Faridah Binti Mat Saman.*

## 1. PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan kitab Allah SWT yang bermukjizat lagi mulia yang diturunkan oleh Allah SWT melalui perantaraan malaikat Jibril a.s kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW sehingga dijanjikan Allah SWT pahala bagi orang yang membacanya atau mempelajarinya. Ini juga termasuk orang yang mengajarkan kitab Allah SWT kepada orang lain. Justeru sebab itulah juga Agama Islam sentiasa menggalakkan umatnya untuk memperbanyakkan membaca al-Quran kerana ia akan menjadi peneman setia yang menolong tuannya apabila di alam sana nanti. Keunikian al-Quran ini lebih terserlah apabila adanya seni lagu al-Quran atau tarannum yang bisa membuatkan hati para pencintanya untuk terus bermuamalah dengannya. Umat Islam juga mestilah sentiasa meningkatkan pengetahuan terhadap Kitabullah ini agar kehidupan mendapat rahmat dari Allah SWT. Pengajaran dapat dilihat melalui peristiwa

pertama permulaan diturunkan al-Quran. Ini sebagaimana yang dinukilkkan dalam al-Qur'an, surah al-'Alaq 96:1-5:

أَقْرَأْتَ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي حَقَّ (١) خَلَقَ الْإِنْسَنَ مِنْ عَلْقٍ (٢) أَفْرَأَ وَرَبِّكَ الْأَكْرَمُ  
 (٣) الَّذِي عَلِمَ بِالْقَلْمَنْ (٤) عَلِمَ الْإِنْسَنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ (٥)

Maksudnya: "Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan sekalian makhluk (1) Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku (2) Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah (3) Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan (4) Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya (5)"

Ini sebagaimana Haji Mohd Yusof, menjelaskan bahawa pelbagai faedah yang diperolehi bagi pembaca dan pendengar al-Quran yang mana ia bisa membuatkan mereka mendapat rahmat dari Allah SWT lebih-lebih lagi apabila diberi sepenuh tumpuan dan perhatian seterusnya membuatkan jiwa dan hati lebih khusyuk untuk menjiwai bacaan ayat-ayat suci al-Quran tersebut (Haji Mohd Yusof, 1991/1992: 65).

Pengajian tarannum sebelum era Faridah binti Mat Saman yang dimaksudkan ialah bermula pada tahun 1948 sehingga 1959. Manakala semasa era Faridah binti Mat Saman pula bermula tahun pada tahun 1960 sehingga 2018. Pemilihan tahun 1948 kerana pada tahun tersebutlah Faridah binti Mat Saman dilahirkan iaitu pada 29 Oktober 1948. Manakala penetapan sebelum era Faridah binti Mat Saman terhenti pada tahun 1959 kerana pada tahun tersebut Faridah binti Mat Saman masih belum menempa nama dalam arena tilawah al-Quran.

Sementara semasa era Faridah binti Mat Saman pula bermula pada tahun 1960 kerana pada tahun tersebut bermulanya Majlis Tilawah Al-Quran peringkat kebangsaan secara rasminya di Malaysia. Namun begitu pada tahun 1963 adalah tahun bermulanya zaman kegemilangan Faridah binti Mat Saman kerana beliau menempa nama sebagai johan dalam Majlis Tilawah Al-Quran peringkat kebangsaan dan pada tahun 1964 pula di mana pertama kali diadakan dan dibenarkan para qariah bertanding dalam Majlis Tilawah Al-Quran peringkat antarabangsa dan Faridah binti Mat Saman mendapat johan. Penetapan semasa era Faridah binti Mat Saman terhenti sehingga tahun 2018 kerana pada tahun tersebut kajian ini masih dijalankan.

Selain itu kesan dari pengaruh Faridah binti Mat Saman terhadap bacaan qari dan qariah di negeri Kelantan juga turut dikaji yang mana telah menjurus

kepada perkembangan pengajian tarannum yang positif di negeri tersebut dan Malaysia umumnya.

## 2. BIOGRAFI FARIDAH BINTI MAT SAMAN

Faridah binti Mat Saman bin Abdul Rahman dilahirkan pada 29 Oktober 1948 di Kampung Lubuk Kawah, Temerloh, Pahang. Selepas itu dibesarkan di kampung Padang Turap, Pasir Mas, Kelantan Pelbagai gelaran diberikan kepada beliau kerana kemerduan suaranya dalam bertarannum (JAKIM, 2006: 114).

Ketika dilahirkan, ibu bapanya adalah anak jati Kelantan berhijrah ke Temerloh dan meneroka tanah di daerah tersebut. Walaupun berada di tempat baru iaitu negeri Pahang, ayah beliau tetap menjadi guru al-Quran dan pelbagai lagi yang berkaitan dengan agama Islam (Ibid., 114).

Manakala ibunda Faridah binti Mat Saman bernama Che Yam binti Che Had (Nik Safiah Karim et.al, 2014: 37). Ibunya juga merupakan qariah mahsyur negeri Kelantan dan pernah menjadi wakil Kelantan dalam Majlis Tilawah Al-Quran pada tahun 1960 (JAKIM, 2006: 115).

Ibu Faridah binti Mat Saman merupakan anak sulung dari 3 beradik yang kesemuanya perempuan. Namun bakat bertarannum atau dalam seni suara ini tidak diwarisi oleh kesemua beradik ini melainkan dua orang sahaja iaitu ibunda Faridah binti Mat Saman dan ibu saudaranya yang tengah bernama Hajjah Aisyah binti Che Had (Ibid).

Setelah mendirikan rumah tangga dengan Haji Hizam bin Suriadi iaitu seorang pegawai tentera beliau menjadi suri rumah sepenuh masa dan kini menetap di Kota Bharu, Kelantan. Hasil perkahwinan mereka dikurniakan 9 orang cahaya mata iaitu 6 lelaki dan 3 perempuan (JAKIM, 2006: 114-115).

## 3. ALIRAN PENGAJIAN TARANNUM DI NEGERI KELANTAN SEBELUM DAN SEMASA ERA FARIDAH BINTI MAT SAMAN

Realitinya perkembangan tarannum tersebar luas di Malaysia melalui dua aliran tarannum iaitu *Hijāzī* dan *Miṣrī*. Pedagang-pedagang dan mubaligh-mubaligh Islam dari negara Arab dari tanah Ḥijāz iaitu Mekah telah membawa masuk aliran tarannum ini yang dinamakan sebagai tarannum *Hijāzī*. Namun begitu selepas tahun 1940-an, tarannum *Miṣrī* telah mempengaruhi masyarakat Malaysia dalam bacaan ayat-ayat suci al-Quran, nasyid, qasidah, lagu-lagu Arab dan azan. Tarannum *Miṣrī* ini berasal dari Mesir (Napiyah Sahrani, 2007:117).

**Aliran Tarannum *Hijāzī* Sebelum Era Faridah Binti Mat Saman**

Menurut Haji Mohamad Haji Yusoff (1991/1992: 65), sebelum Era Faridah binti Mat Saman iaitu pada tahun 1940-an berlakunya perubahan pada aliran tarannum itu sendiri iaitu dari tarannum bercorak *Hijazi* ke tarannum bercorak *Misri*. Ini kerana perubahan pusat-pusat lagu di Timur Tengah khususnya pusat-pusat lagu *Hijazi* telah berpindah ke Mesir. Pada masa ini, suara yang gagah dan tinggi dalam pembacaan tarannum adalah sangat penting.

Tarannum Arab berlahjah *Hijāzī* lebih awal terkenal berbanding tarannum Arab berlahjah *Miṣrī*. Walaupun begitu, di Malaysia dan Indonesia tarannum aliran *Miṣrī* telah banyak mempengaruhi masyarakat dalam pengajian tarannum. Hal ini terjadi kerana tokoh-tokoh qari Mesir datang mengajar tarannum di Malaysia terutama dalam pertandingan tilawah al-Quran (Najmiah Omar, 2017: 139-140).

Terdapat persamaan nama dalam aliran *Hijāzī* dengan aliran *Miṣrī*, malah terdapat juga tarannum *Miṣrī* diberi nama *Hijāz*. Ia membuktikan keterbukaan dan keilmuan qari-qari Mesir dalam mengambil, mengubahsuai, dan memperbaharui ke arah mencantikkan lagi tarannum-tarannum sesuai dengan suasana, putaran zaman dan citarasa terkini, namun tidaklah sampai menghilangkan identiti asal dan yang paling utama keutuhan *tarannum bi al-Qur’ān* yang berlahjah Arab (Ibid., 139-140).

### a. Tarannum Usul Atau Asas

Ada 7 lagu asas bagi tarannum *Hijāzī* yang mana ia telah diberikan juga singkatan bagi memudahkan ingatan terhadapnya iaitu telah dirumuskan dengan perkataan **حمر جسد** yang memberi maksud (T.P, 1999: 15):

1. Huruf ↗ bermaksud *Banjakkah*
2. Huruf ↘ bermaksud *Husaynī*
3. Huruf ↙ bermaksud *Mayyah*
4. Huruf ↛ bermaksud *Rakbi*
5. Huruf ↜ bermaksud *Jiharkah*
6. Huruf ↚ bermaksud *Sikā*
7. Huruf ↤ bermaksud *Dukkah*

### b. Ciri-Ciri Dan Sifat-Sifat Tarannum *Hijāzī*

Tarannum *Hijāzī* ialah tarannum Arab yang berlahjah atau berdialek *Hijāzī*. Ia turut dikenali dengan sebutan tarannum *Makkawī*, yang berasal dan

disebarluaskan di Makkah dan sekitar Semenanjung Arab bahagian timur yang dikenali sebagai *Hijāz* (Dasrizal, 2012:51).

Qari-qari dari Mekah telah membawa masuk lagu *Hijāzī* dan ia juga kurang bervariasi yang mana iramanya lebih kasar dan kurang *harakāt*nya (Ibid., 51). Namun begitu keindahannya tetap terserlah secara tersendiri sesuai dengan sifat orang-orang *Hijāz* (Yulizar Bila, 2011: 29). Di Malaysia, ia telah dipopularkan oleh angatan lama yang terdiri daripada angkatan Yusof Kedondong dan bentuk lagu ini biasanya berirama turun naik (Mohd Ali bin Abu Bakar, 1991: 37). Lagu-lagunya menggambarkan loghat bahasa penduduk di semenanjung tersebut. Suasana padang pasir dengan tahap suhu kepanasan yang agak tinggi telah mempengaruhi tarannum ini. Irama dan rentaknya agak lebih lincah dan sangat bersemangat disamping nada suara yang melonjak tinggi (Nik Jaafar bin Nik Ismail, 1998: 117-118). Di Malaysia juga, lahn *Hijāzī* diperkenalkan oleh angatan lama seperti Hj. Yusuf Kedondong, Hj. Musa, Hj. Abdul Rahman Kuala, Hj. Hamid Tandop, Abdul Hamid Desa, Dato Hj. Ismail Hashim, Hj. Abdul Ghani Abdullah, Dato Hj. Hasan Azahari, Dato Hj. Muhammad Hasri dan ramai lagi qari terkenal yang seangkatan dengan mereka (Khalid bin Isa, 2011: 108).

### c. Peranan Tarannum *Hijāzī*

Peranan lagu *Hijāzī* atau *Makkawī* lebih banyak digunakan dalam lagu-lagu qasidah, berzanji, marhaban, nasyid-nasyid dīniyyah dan sebagainya (Wan Fakhrul Razi bin Wan Mohamad, 2008: 51).

### Aliran Tarannum *Misrī*

Pada era Faridah binti Mat Saman iaitu bermula tahun 1960 sehingga 2018, aliran tarannum ala *Misrī* ialah tarannum yang mendominasi Malaysia dan Nusantara (Najmiah binti Omar, 2017: 274). Ia telah dipopularkan oleh qari-qari Mesir yang lebih lembut dengan nada suara yang sederhana (Dasrizal, 2012: 21). Selain bervariasi, ia juga mengandungi banyak *harakāt* (Yulizar Bila, 2011: 30).

Tarannum ini telah dipopularkan oleh angkatan muda iaitu Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari Hj. Ahmad Mat Som Pergau, Hj. Zabidi Aman, Hj. Mukti dan sahabat handainya yang sama-sama belajar di Mesir. Terkenalnya aliran tarannum ala *Misrī* ini selepas tahun 40-an sehingga kini (Mohd Ali bin Abu Bakar, 1991: 41).

#### a. Tarannum Usul Atau Asas

Di Malaysia alunan rentak irama tarannum yang mendominasi ialah tujuh jenis lagu iaitu terdiri daripada *Bayātī*, *Şabā*, *Hijāz*, *Nahawand*, *Jiharkah*, *Rast* dan *Sikah* (Najmiah binti Omar, 2017: 274). Tujuh lagu usul atau asas tersebut ialah 7 lagu yang sangat mahsyur dalam tarannum al-Quran dan berkembang sehingga kini. Pada masa sekarang, ketujuh-tujuh lagu ini wajib dikuasai oleh pelajar bagi melayakkan mereka memasuki pertandingan tilawah al-Quran (Ibid., 52). Ini kerana 3 buah lagu ditentukan supaya dibacakan semasa pertandingan tersebut. Ianya berbeza dengan cara dahulu kerana pada zaman dahulu, dengan menguasai 4 lagu sahaja sudah melayakkan setiap qari dan qariah memasuki Pertandingan Tilawah Al-Quran (Ibid., 274).

Singkatan yang digunakan dalam tarannum *Misri* telah dirumuskan dengan perkataan yang menjadi بحصر جد yang memberi maksud (Wan Fakhru Razi bin Wan Mohamad, 2008: 51):

1. Huruf ۋ bermaksud *Bayātī*
  2. Huruf ح bermaksud *Hijāz*
  3. Huruf ص bermaksud *Şabā*
  4. Huruf ر bermaksud *Rast*
  5. Huruf ج bermaksud *Jibarkah*
  6. Huruf س bermaksud *Sīka*
  7. Huruf ن bermaksud *Nahawand*

Tujuh lagu ini dianggap teras dalam bertarannum khususnya tarannum *Misri* (*Ibid.*, 52). Manakala yang terkini pula para qari dan qariah Malaysia mestilah membaca al-Quran dengan tarannum yang telah disusun seperti berikut (Haji Mohamad Haji Yusoff, 1991-1992: 123):

- a. Bayātī-Şaba-Hijāz-Nahawand-Rast
  - b. Bayātī-Hijāz-Nahawand- Rast-Sīkah
  - c. Bayātī- Nahawand- Rast- Sīkah-Jiharkah
  - d. Bayātī- Şabā- Nahawand- Rast- Sīkah
  - e. Bayātī- Iraqī- Hijāz- Sīkah- Rast

Semasa era Faridah binti Mat Saman khususnya di Kelantan, sekembalinya tokoh-tokoh qari mahsyur seperti Haji Ahmad Ma'som Pergau dan Haji Abdul Latif Tumpat telah membawa perubahan besar ke atas aliran lagu tarannum iaitu dari tarannum ala ala *Hijāzī* ke tarannum ala ala *Miṣrī*. Pada waktu ini memperlihatkan pertembungan antara kedua-dua aliran ini

menunjukkan adanya qari dan qariah yang mampu menguasai perubahan dari tarannum aliran *Hijāzī* ke tarannum aliran *Miṣrī* dengan baik dan ada juga yang mengekalkan bacaan dengan corak aliran tarannum *Hijāzī* kerana tidak mampu mengikutinya sehingga mereka semakin tidak diminati dan tidak mahsyur malah dianggap ketinggalan zaman dan tidak mengikut peredaran semasa. Manakala qari-qari yang mampu bertarannum dengan ala-ala *Miṣrī* dengan baik, mereka diminati ramai dan dianggap mengikut peredaran semasa. Antara pelopor tarannum aliran *Miṣrī* di negeri Kelantan juga seperti Haji Wan Mohd. Zain Bin Ahmad (Kota Bharu), Haji Mohd. Yusof Kedondong (Pasir Mas), Haji Che Musa bin Mahmud (Pasir Mas) dan Haji Mohd. Yusof Abdullah (Pasir Mas) (Haji Mohamad Haji Yusoff, 1991/1992: 97). Selain itu para qari dan qariah Malaysia juga terpengaruh dengan bacaan qari mahsyur Mesir iaitu Sheikh Mustafa Ismail (Wan Hilmi Bin Wan Abdullah, 2014: 126).

Tarannum aliran *Miṣrī* telah dibawa oleh Haji Ahmad Ma'som ke Malaysia umumnya dan ke Kelantan khususnya. Ini kerana beliau mempelajari ilmu tarannum di Mesir yang menjadi asas lahirnya tarannum aliran *Miṣrī*. Kemahiran beliau dalam bertarannum terus menyinar apabila beliau belajar dengan Ṭaha al-Fashnī dan rakan yang seangkatan dengannya iaitu Sheikh Muṣṭafā Kamāl. Beliau seorang yang terkenal bukan sahaja di Kelantan bahkan juga di Terengganu apabila Menteri Besar Terengganu menjemput beliau menjadi tenaga pengajar tarannum di sana (Najmiah binti Omar, 2017: 95).

Tarannum *Miṣrī* juga lebih sopan dan lembut apabila dibaca menyebabkan ia lebih sesuai dan diterima baik oleh masyarakat Malaysia. Ia juga mengikut arus semasa dan penerimaan para qurra' selain bertepatan dengan ciri-ciri yang terdapat di dalam dalil al-Quran dan al-hadith. *Taḥṣīn al-ṣawt* dan *qirā'ah layyinah* merupakan dua kaedah bacaan al-Quran dengan betul (*Ibid.*, 81).

Di awal kemunculan tarannum aliran *Miṣrī* ini juga, Haji Ahmad Mat Som Pergau memainkan banyak peranan dengan menitik beratkan bacaan berlahjah Arab yang betul termasuk juga suara, lagu dan *fāṣīḥah*. Penekanan kepada bahasa Arab yang membawa sebutan dan bacaan hukum seperti *qalqalah*, *iglāb*, *ikhfā'*, *izhar* dan sebagainya dapat diatasi dalam masa yang singkat. Bahagian tajwid pula bagi beliau bisa ditambah baik dan dikuasai apabila bersama rakan-rakan seperguruan dan beliau tidak memberi penekanan sebagaimana bahagian-bahagian yang lain dalam pemcabaan al-Quran (Mohd Karim bin Ismail, 1991: 17).

Keistimewaan Faridah binti Mat Saman diakui lagi di eranya dengan menjadi antara anak murid terawal yang belajar tarannum al-Quran khususnya tarannum aliran *Miṣrī* bersama Haji Ahmad Ma'som, Pergau. Beliau berguru hampir 3 tahun bermula pada tahun 1963. Kemahiran beliau dalam tarannum

semakin terserlah apabila beliau telah berguru secara *talaqqī mushāfahah* di rumah gurunya sendiri. Ini menyebabkan beliau bertambah mahir kerana pada sebelumnya beliau telah mempelajari tarannum bersama ibunya iaitu Hajjah Che Yam. Aspek lagu, suara, tajwid dan *faṣāḥah* ditekankan (*Ibid.*, 29).

Pada tahun 1980-an munculnya gaya bacaan tarannum yang dibawa oleh Haji Ahmad Ma'som Pergau yang lebih halus dan mementingkan isi-isi yang ada di dalam setiap *harakāt* lagu. Selain itu, bacaan tarannum pada tahun 1980-an dan 1990-an sudah tidak lagi terikat dengan gaya seseorang yang tertentu tetapi gaya dan bentuk yang pelbagai (Wan Mohd. Noh bin Wan Hamat, 1994/1995: 151).

### b. Ciri-Ciri Dan Sifat-Sifat Tarannum *Miṣrī*

Ciri-ciri dan sifat-sifat tarannum *Miṣrī* sebanyak 7 lagu asas adalah berbeza antara satu sama lain. Ia mempunyai perbezaan dalam setiap lagu yang lain dari segi ciri, sifat dan peranan (Chatibul Umam et.al, 1987: 107). Lagu *Bayātī* adalah lagu pembukaan yang kebanyakannya para qari mahupun qariah membacanya dan hanya terdapat segelintir sahaja yang tidak memulakan dengan *Bayātī*. Ini adalah sesuai dengan sifat-sifat *Bayātī* itu sendiri, iaitu ia adalah bersifat pembukaan dan penutupan sesuatu lagu (Khadijatus Salihah, 1983: 47). Ini kerana lagu *Bayātī* mempunyai ciri-ciri lembut, bergerak lambat, perlahan dan bernada rendah (Norakyairee Mohd Raus & Adnan Mohamed Yusoff, 2008: 62).

Lagu *Bayātī* dalam bahasa Arab berasal dari kata “*Bayt*” bermaksud rumah dan dipakai bentuk *mubālaghah* menjadi *bayyātī* ditambahnya menjadi *bayātī* (Khadijatus Salihah, 1983: 47). Cabang kepada lagu *Bayātī* diberi nama lagu *Husaynī*. Perkataan *Husaynī* memberi erti di ubah suai dan digubah oleh Qari Mesir (Mohd Ali b. Abu Bakar, 1991: 43). Lagu *Husaynī* adalah suatu lagu yang mempunyai gerak cepat dan cerdas dengan alunan yang agak panas sesuai dengan *ṭabaqah* suaranya yang tinggi, samada untuk rongga hidung ataupun rongga otak (Nota Seminar, 5).

Oleh itulah biasanya disebut sahaja *Bayātī* ia dikaitkan juga dengan *Bayātī Husaynī*. Biasanya penggunaan *Husaynī* adalah pada *harakāt* ke enam dan pada akhir *Bayātī* (Najmiah binti Omar, 2017: 242). Lagu *Bayātī* juga bersifat lembut dan ia sering dianggap sebagai lagu induk. Kebiasaan juga para qari akan lebih selesa pindah ke lagu lain setelah melalui lagu *Bayātī* kerana ia merupakan lagu yang terdapat unsur-unsur asas yang lainnya (Chatibul Umam, et.al, 1987: 109). Selain itu ciri-ciri dan sifat-sifat yang lain baginya ialah antaranya sebagai lagu asas, permulaan sesuatu bacaan, pusat membuat latihan, tapak untuk proses pertukaran lagu-lagu lain, penutup bacaan, bersifat bebas, mempunyai jumlah yang banyak dan tidak terhad bersifat normal, sebagai

permudah cara, sesuai untuk ayat-ayat cerita hukum dan sebagainya (Wan Hilmi bin Wan Abdullah, 2018: 44).

Kedua ialah tarannum *Şabā*. Lagu *Şabā* juga berasal dari Arab Mesir dan ia juga adalah cawangan kepada lagu-lagu *Bayātī* dan dikenali sebagai panggilan Mesir *Şabā*. Menurut bahasa perkataan *Şabā* bermaksud rindu. Qari-qari dari Mesir telah mempopularkannya kira-kira 1940-an (Nota Seminar, Siri 12: 4). Sifat-sifat *Şabā* ialah ia mempunyai gerak ringan dan cepat. Selain itu ia juga bersifat lemah lembut dan mendayu-dayu. Ia juga sesuai dengan *ṭabaqah* yang sederhana dan ia juga bersifat menenangkan jiwa (Haji Mohamad Haji Yusoff, 1991/1992: 37).

Tarannum ketiga pula ialah tarannum *Hijāz*. Nama “*Hijāz*” berasal dari suatu kawasan dalam negara Arab Saudi. Tarannum ini popular sebagai pelopor tarannum dahulu (Najmiah binti Omar, 2017: 242). Lagu ini telah diubah suai oleh masyarakat Mesir dan digubah semula mengikut peredaran zaman dan ianya termasuk di dalam kumpulan lagu-lagu Mesir (Nota Seminar, Siri 12: 49). Sifat-sifat lagu *Hijāz* ialah ia mempunyai gerak lembut tetapi berkesan tegas dan bersemangat, dapat disesuaikan dengan mana-mana tabaqah dan ia juga paling sesuai dengan ayat perintah, tegah dan marah (Haji Mohamad Haji Yusoff, 1991: 36).

Tarannum keempat ialah tarannum *Nahawand* yang kebiasaanya digunakan selepas mengalunkan Tarannum *Şabā*, sebelum *Hijāz* atau selepas *Hijāz*. Ini terhenti atas keadaan serasi dengan pembawaan lagu-lagu akhir sebelumnya (Mohd Zaini Zakaria, Adnan Mohamed Yusoff & Norakyairee Mohd Raus, 2018: 65).

Kedudukannya ialah berada dalam kumpulan lagu-lagu Mesir dan ia berasal daripada daerah Hamdan, Parsi dan telah digubah dan disesuaikan oleh orang-orang Mesir (Najmiah binti Omar, 2017: 243). Sifat-sifat lagu *Nahawand* ialah ia mempunyai gerak yang ringan di samping lemah lembut dan mengharukan. Selain itu ia juga sesuai dengan *ṭabaqah* suara yang sederhana (Haji Mohamad Haji Yusoff, 1991/1992: 35).

Tarannum kelima pula ialah tarannum *Sikah*. Perkataan “*Sikah*” atau *Sika* juga adalah berasal daripada bahasa Parsi atau Iran yang bermaksud kerancing gitar, lagu *Sikah* ini mungkin berasal daripada Parsi kemudian diubahsuai dan digubah semula oleh pakar-pakar lagu arab *Hijāz* dan Mesir. Pada kurun ke-7 hingga ke- 19 Masihi, lagu ini telah dipopularkan kepada seluruh qari dan qariah mengikut lahan *Hijāzī*. Lagu *Sikah* Ini diubahsuai oleh pakar tarannum lahan *Miṣrī* dengan alunan yang lebih lembut kemudiannya hingga sekarang. Kini ianya terkumpul di dalam kumpulan lagu-lagu Mesir (Najmiah binti Omar, 2017: 244). Sifat tarannum *Sikah* ialah ia mempunyai gerakan lembut dan mempunyai sifat lemah-lembut yang menawan hati. Ia juga

mempunyai sifat kesesuaian dengan *ṭabaqah* yang lebih tinggi (Haji Mohamad Haji Yusoff, 1991/1992: 38).

Tarannum keenam ialah tarannum *Rast*. Berkaitan perkataan *rast* ada yang dinamakan *Rashdah* yang asalnya *hadzarast* ada juga yang menyebut rasdah yang sampai sekarang terkenal dengan *rashdah* atau *rast*. Begitu juga lagu *Rast* adalah berasal dari Parsi (Khadijatus Salihah, 1983: 47). Ia merupakan lagu-lagu Mesir yang paling popular yang telah diubahsuai oleh masyarakat Mesir sendiri (Mohd Ali b. Abu Bakar, 1991: 47). Sifat-sifat tarannum *Rast* ialah ia mempunyai gerak ringan terdapat kelincahan dan bersemangat. Selain itu ia juga dapat disesuaikan dengan mana-mana *ṭabaqah* dan dapat disesuaikan dengan mana-mana ragam ayat (Haji Mohamad Haji Yusoff, 1991/1992: 35).

Lagu asas terakhir ialah lagu *Jiharkah*. Nama *Jiharkah* berasal dari Negara Parsi dan ia diterima pakai oleh qari negara *Hijāz* dengan pengubahsuaian. Qari-qari Mesir telah mempopulkannya dengan bentuk yang lebih lembut (Najmiah binti Omar, 2017: 245). Sifat-sifat lagu *Jiharkah* pula ialah ia mempunyai gerak ringan dan cepat di samping mempunyai kelembutan yang berkesan. Selain itu ia juga mempunyai sifat kesesuaian dengan tabaqah yang sederhana dan tinggi (Haji Mohamad Haji Yusoff, 1991/1992: 39).

### c. Peranan Tarannum *Miṣrī*

Sebanyak 7 lagu asas dalam tarannum *Miṣrī* yang mempunyai peranannya yang tersendiri. Bagi lagu *Bayātī*, ia dibentuk lagunya halus, lembut dan membuatkan lagu ini menarik kerana pengaruh lembah Sungai Nil yang boleh menenangkan jiwa bagi penduduk Mesir dan yang lainnya (Nota Kursus Lagu dan Suara Malaysia, Siri 5: 7).

Lagu pertama iaitu lagu *Bayātī*, ia berperanan untuk memberi tenaga dan peningkatan suara. Selain itu ia juga menjadi pengukur kepada lagu-lagu yang seterusnya. Ia juga digunakan untuk mempelbagaikan corak dan bunyi. Pembacaan tarannum yang menggunakan lagu *Bayātī* ialah ia digunakan bagi lagu permulaan dan penutup (Nota Kursus Lagu dan Suara Malaysia, Siri 12: 1).

Peranan lagu kedua pula iaitu lagu *Ṣabā*. Peranannya adalah untuk menimbulkan rasa khusyuk dan insaf selain dapat meredakan ketenangan jiwa seterusnya membawa kepada ketenangan. Selain itu, ia juga berperanan membawa kepada kelembutan dan juga kefasihan kepada bacaan. Ayat-ayat yang menunjukkan kegembiraan, sedih dan merayu adalah juga sesuai dengan lagu ini (Ibid., 52).

Peranan lagu ketiga iaitu tarannum *Hijāz* ialah bagi memberi semangat kepada persembahan bacaan yang sepenuhnya dan memberi kepuasan kepada

pembaca dan pendengar. Di samping itu ia juga membawa kepada kefasihan dan ketegasan bacaan (Ibid., 50).

Peranan lagu keempat iaitu lagu *Nahawand*, ia bagi melembutkan sesuatu bacaan yang membawa rasa khusyuk, bacaan yang memberi penyesuaian kepada ayat-ayat gembira atau sedih dan membawa kepada sebutan huruf yang betul dan fasih (Nota Kursus Lagu dan Suara Malaysia, Siri 12: 45).

Peranan lagu kelima pula iaitu tarannum *Sikah*, ia berperanan melembutkan sesuatu bacaan, memberi kepuasan kepada pembaca dan pendengar serta memberi penyesuaian kepada ayat-ayat yang menunjukkan memohon, memujuk dan merayu. Di samping itu ia juga menambahkan seni *tartil* pada sebutan huruf-huruf kalimah dan ayat-ayat yang dibaca selain dapat membawa kepada rasa khusyuk dan keinsafan (Ibid., 4).

Peranan lagu yang keenam pula iaitu tarannum *Rast*, ia memberi semangat kepada persesembahan bacaan dengan sepenuhnya, memberi kepuasan kepada pembaca atau pendengar, membawa kepada keinsafan dan ketenangan jiwa. Di samping itu ia juga mampu memberi tenaga kepada lagu-lagu yang akan dibaca sesudahnya (Ibid., 4).

Peranan lagu yang terakhir iaitu lagu *Jiharkah*, yang mana ia berperanan sebagai meredakan ketenangan di dalam satu bacaan, melembutkan sesuatu bacaan, memberi penyesuaian kepada ayat-ayat yang menunjukkan kesedihan dan kerinduan seterusnya membawa kepada lebih *tartil* sebutan mulut (Mohd Ali b. Abu Bakar, 1991: 55).

#### 4. KESAN DARI PENGARUH FARIDAH BINTI MAT SAMAN TERHADAP BACAAN QARI-QARIAH DI NEGERI KELANTAN

Faridah binti Mat Saman memberikan kesan dari pengaruh yang sangat baik kepada qari dan qariah terutama mereka yang terdiri daripada murid-murid utama beliau yang telah mendapat pengiktirafan berkenaan keilmuan, kemahiran dan kepakaran mereka dalam tarannum al-Quran di negeri Kelantan. Pengiktirafan tersebut samada dari tokoh utama kajian, institusi ataupun pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam pengajian tarannum samada di dalam maupun di luar negara.

Kesan dari pengaruh pertama ialah qari dan qariah mendapat pengiktirafan di dalam dan luar negara terutama terhadap murid-murid utama beliau dari negeri Kelantan iaitu Md. Hussin bin Mohd Yunus, Che Yahaya bin Daud, Sapinah binti Mamat dan Munirah binti Kasim.

Hasil analisis kesan dari pengaruh menunjukkan bahawa qari-qariah terlibat berjaya mengikuti pertandingan Majlis Tilawah Al-Quran peringkat kebangsaan (Md. Hussin bin Mohd Yunus, Che Yahaya bin Daud, Sapinah binti

Mamat dan Munirah binti Kasim, 2018). Ini dibuktikan dengan pengakuan daripada pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan sendiri (Zulkarnain bin Ismail, 2018) dan tokoh utama kajian (Faridah binti Mat Saman, 2018) selain dari bukti dokumen.

Selain itu murid-murid utama beliau iaitu seramai 3 orang telah menjuarai dalam Majlis Tilawah Al-Quran peringkat antarabangsa. Perkara ini diperkuatkan dengan pengakuan daripada pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan sendiri (Zulkarnain bin Ismail, 2018) dan tokoh utama kajian (Faridah binti Mat Saman, 2018) selain dari bukti dokumen. Ini dibuktikan lagi dengan sijil-sijil dan gambar-gambar kenangan mereka ketika menjuarai Musabaqah al-Quran samada di peringkat negeri kebangsaan mahupun antarabangsa.

Kesan dari pengaruh kedua ialah apabila qari-qariah menjadi pakar rujuk dalam tarannum khususnya dengan menjadi pakar rujuk dalam pertandingan al-Quran dengan dilantik sebagai panel tahsin di dalam dan luar negara dan perlantikan sebagai hakim tarannum di dalam dan luar negara.

Ini dibuktikan dengan seramai dua orang murid beliau (Md. Hussin bin Mohd Yunus @ Noh & Che Yahaya bin Daud, 2018) daripada kalangan qari telah berjaya menjadi panel tahsin samada di dalam mahupun di luar negara. Perkara ini diperkuatkan dengan pengakuan daripada pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan sendiri (Zulkarnain bin Ismail, 2018) berkenaan perkara tersebut dan tokoh utama kajian (Faridah binti Mat Saman, 2018) selain dari bukti dokumen.

Manakala perlantikan murid beliau sebagai hakim tarannum di dalam dan luar negara menunjukkan bahawa dua orang murid beliau (Md. Hussin bin Mohd Yunus @ Noh & Che Yahaya bin Daud, 2018) daripada kalangan qari telah berjaya menjadi hakim Majlis Tilawah Al-Quran samada di negeri Kelantan mahupun di luar negara. Perkara ini diperkuatkan lagi dari pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan sendiri (Zulkarnain bin Ismail, 2018) berkaitan perkara tersebut dan pengakuan dari tokoh utama kajian (Faridah binti Mat Saman, 2018) selain dari bukti dokumen.

Selain itu murid beliau juga dilantik pakar rujuk dalam bidang tarannum dan tilawah al-Quran dengan mereka menjadi guru tarannum dan pakar rujuk tarannum. Ia menunjukkan bahawa kesemua murid-murid utama beliau (Md. Hussin bin Mohd Yunus @ Noh, Che Yahaya bin Daud, Sapinah binti Mamat & Munirah binti Kasim, 2018) iaitu qari dan qariah terlibat telah membuka kelas tarannum mereka sendiri samada di rumah, di tempat kerja atau di institusi yang melibatkan pengajian tarannum di negeri Kelantan seperti di Kelas Hafalan al-Quran Tan Sri Anuar Musa.

Di samping itu, hasil didikan beliau terhadap murid-murid utama beliau yang juga qari-qariah hebat dari negeri Kelantan telah menjadikan mereka pakar rujuk dalam tarannum. Ini kerana kesemua murid-murid utama beliau (Md. Hussin bin Mohd Yunus @ Noh, Che Yahaya bin Daud, Sapinah binti Mamat & Munirah binti Kasim, 2018) iaitu qari dan qariah terlibat menjadi pakar rujuk dalam tarannum. Perkara ini diperkuuhkan dengan pengakuan institusi yang terlibat dalam pengajian tarannum di negeri Kelantan antaranya ialah JAHEIK (Zulkarnain bin Ismail, 2018) dan KHATAM (Mohamad bin Jusoh, 2018). Ia juga diperkuuhkan melalui kenyataan tokoh utama kajian (Faridah binti Mat Saman, 2018) yang menyatakan bahawa kesemua murid utama beliau telah dijadikan pakar rujuk dalam tarannum khususnya di negeri Kelantan.

Selain itu mereka juga mendapat jemputan bertarannum dari pelbagai daerah dan tempat. Murid utama Faridah binti Mat Saman dari kalangan qariah iaitu Sapinah binti Mamat juga telah mendapat jemputan bertarannum hasil daripada mengikuti kaedah tarannum Faridah antaranya melalui metode bacaan tarannum beliau (Sapinah binti Mamat, 2018). Perkara ini dikukuhkan dengan kenyataan tokoh utama kajian (Faridah binti Mat Saman, 2018) yang menyatakan bahawa Sapinah binti Mamat memang ada mendapat jemputan bertarannum bersamanya dalam majlis yang diadakan di negeri Kelantan.

Kesan dari pengaruh terakhir ialah qari dan qariah mampu untuk mempertahankan dan mengembangkan kaedah tarannum Faridah kepada masyarakat iaitu dengan qari dan qariah mampu menjadi saluran yang betul dalam pengajian tarannum. Kehebatan Faridah binti Mat Saman dalam tarannum diakui ramai apabila beliau memiliki identiti bacaan tarannum beliau yang tersendiri dan diikuti oleh qari dan qariah negeri Kelantan. Kesemua Murid-murid utama beliau (Md. Hussin bin Mohd Yunus @ Noh, Che Yahaya bin Daud, Sapinah binti Mamat & Munirah binti Kasim, 2018) iaitu qari dan qariah terlibat menyatakan mereka mengikuti metode bacaan Faridah binti Mat Saman namun tidak mampu melakukan sesempurna beliau. Ia diperkuatkan lagi dengan kenyataan pakar tarannum yang menyatakan bahawa secara keseluruhannya anak-anak murid Faridah binti Mat Saman mengikuti kaedah tarannum Faridah (Wan Hilmi bin Wan Abdullah, 2018). Justeru mereka telah menjadi saluran yang betul dalam pengajian tarannum kerana mereka telah berguru dengan guru yang betul dan diiktiraf dalam tarannum di samping mereka dapat meneruskan kesinambungan guru mereka iaitu Faridah binti Mat Saman.

Di sini jelaslah bahawa Faridah binti Mat Saman telah memberikan kesan dari pengaruh yang baik terhadap bacaan qari dan qariah di negeri Kelantan yang mana telah membawa kepada perkembangan pengajian tarannum yang positif di negeri tersebut.

Oleh itu wajarlah beliau digelar seorang tokoh dalam bidang tarannum setelah diteliti akan ketokohnya yang memberi kesan yang mendalam, besar dan kuat terhadap perkembangan pengajian tarannum di negeri Kelantan. Ini juga dibuktikan dengan produk yang dihasilkannya menerusi kejayaan murid-muridnya dalam pengajian tarannum juga sangatlah memberangsangkan dan hebat. Ini ditambah lagi, apabila beliau sendiri telah mengharumkan nama negara di persada dunia.

## 5. PENUTUP

Kesimpulannya samada lagu berunsurkan *Hijāzī* mahupun *Miṣrī* kedua-dua lagu al-Quran ini tidak boleh dipisahkan dengan “lahjah” Arab kerana kedua-dua unsur ini telah diperakui oleh penduduk Muslim serata dunia. Di Malaysia termasuk juga Kelantan, lajhah *Miṣriyah* telah diterima baik ketika tahun 1960-an dan telah diiktiraf penggunaan bacaannya dalam Majlis Tilawah Al-Quran yang diadakan. Lahjah *Miṣrī* juga telah mempengaruhi masyarakat terutama para qari dan qariah, imam-imam di dalam majlis tadarrus, majlis ta’alim, majlis haflah dan sebagainya. Ini juga kerana kedua-dua lagu tersebut, yakni lagu *Hijāzī* dan lagu *Miṣrī* adalah menepati kehendak Rasulullah SAW sebagaimana termaktub dalam hadis. Hasilnya dengan perubahan aliran pengajian tarannum yang berlaku di antara kedua-dua era tersebut menunjukkan bahawa era semasa Faridah binti Mat Saman telah melahirkan golongan qari dan qariah yang mengikut peredaran semasa, berkualiti serta berdaya saing bukan sahaja di peringkat negara bahkan juga di peringkat dunia. Ia juga menunjukkan bahawa Faridah binti Mat Saman telah memberi kesan dari pengaruh yang baik terhadap bacaan qari dan qariah di negeri Kelantan yang juga telah membantu dalam perkembangan pengajian tarannum di negeri tersebut khususnya dan Malaysia amnya.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Chatibul Umam et.al, (1987) *Belajar Membaca al-Quran dengan Lagu*, Jakarta: LBIQ,

Dasrizal, (2012), “*Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Taranum al-Quran di STAI-PIQ Sumatera Barat*”, Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Khadijatus Salihah, (1983), *Perkembangan Seni Baca al-Quran di Indonesia*, (Jakarta: Pustaka Al-Husna.

- Khalid Isa, (2011), *Tan Sri Dato Haji Hassan Azhari: Sumbangannya Dalam Ilmu Tarannum Al-Quran Di Malaysia*, Disertasi Sarjana Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Haji Mohamad Haji Yusoff, (1991/1992), *Pengajian Al-Quran Berlagu Di Kelantan Sejarah Dan Perkembangannya*, Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Al-Quran Dan Al-Sunnah: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, (2007), *Johan Qari dan Qariah Malaysia Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa 1379H/1960M-1427H/2006M* (Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB)).
- Mohd Ali bin Abu Bakar, (1991), *Seni Lagu al-Quran di Malaysia*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Mohd Karim Bin Ismail, (1991), *Tuan Guru Haji Ahmad Ma'som (Ahmad Pergau @ Pergawi) Ketokohan Dan Sumbangannya Terhadap Pengajian Al-Quran Al-Karim\_ Kajian Khusus Di Kelantan Darul Naim*, Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Al-Quran Dan Al-Sunnah: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zaini Zakaria, Adnan Mohamed Yusoff & Norakyairee Mohd Raus, (2018), *Seni Tarannum al-Quran*, cet. ke-1, Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Napiyah Sahrani, (2007), "Qiraat dan Taranum dalam Tilawah al-Quran" (Makalah, Seminar Kebangsaan Pengajian Ilmu al-Quran, Selangor: Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, 2001), 6. Lihat juga Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Qawaaid al-Taranum*, cet. ke-3, Kuala Lumpur: Darul Fikr.
- Najmiah Binti Omar, (2017), *Pengajian Tarannum Al-Quran Di Terengganu Dari Tahun 1960-2013: Kajian Terhadap Pengajaran Rogayah Binti Sulong*, Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nik Jaafar Nik Ismail, (1998), *Buku Qawaaid Tarannum, Cara Berlagu*, Darul Fikr: Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim et.al, (2014), *Biografi Tokoh Wanita Kelantan*, Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan.
- Norakyairee & Adnan Mohamed Yusoff, (2008), *Pengajaran Ilmu Tarannum al-Quran*. Selangor: Open Universiti Malaysia.
- Nota Kursus Lagu dan Suara Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Siri 5.
- Nota Kursus Lagu dan Suara Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Siri 12.
- Nota Seminar, *Bahagian Lagu al-Quran*, Maktab Perguruan Islam, Siri 12.

- T.n, (1986) Buku Panduan: Kursus Khas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran, Kuala Lumpur: Bahagian Agama Kementerian Pendidikan Malaysia.
- (T.P), (1995), Lembaga Bahasa dan Ilmu al-Quran, *Belajar Membaca al-Quran dengan Lagu*, cet. ke-2, Jakarta: LBIQ.
- Wan Fakhrul Razi Bin Wan Mohamad, (2008), *Haji Ahmad Mat Som Pergau Dan Sumbangannya Dalam Pengajian Tarannum Di Kelantan*, Disertasi Ijazah Sarjana Ussuluddin, Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Wan Hilmi Bin Wan Abdullah, (2014), *Pengaruh Tarannum Qari-Qari Mesir Terhadap Qari-Qari Di Malaysia*, Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Islam: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Hilmi bin Wan Abdullah, (2018), *Fannu Tilawah al-Quran*, Bangi: Pusat Kelestarian Turath Ismaili, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Mohd. Noh Bin Wan Hamat, (1994/1995), ‘*Tarannum’ Dan Keberkesanannya Untuk Tahsin Al-Quran*, Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Al-Quran Dan Al-Sunnah: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yulizar Bila, (2011), “Masalah Guru dalam Pengajaran Taranum al-Quran di Kota Padang Sumatera Barat”, Disertasi sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

## TEMUBUAL

Che Yahya bin Daud, 7 Mac 2018, Yayasan Islam Kelantan, 15730 Nilam Puri, Kota Bharu Kelantan.

Faridah binti Mat Saman, 29 Disember 2016/12 Januari 2017, 3201 L, Jln. Merican, 15150 Kota Bharu, Kelantan.

Md. Hussin bin Mohd Yunus@Noh, 6 Mac 2018, Sekolah Kebangsaan Bunut Susu, 17000 Pasir Mas, Kelantan

Mohamad bin Jusoh (Pengurus di PUTRA), 4 Mac 2018, Khidmat Hafazan dan Pengajaran al-Quran Tan Sri Anuar Musa Putra Chengal, 16450 Ketereh, Kelantan.

Sapinah binti Mamat, 12 Februari 2018, Belakang Balai Polis Pengkalan Kubor 16080 Tumpat Kelantan.

Ustaz Zulkarnain bin Ismail (Penolong Pengarah (Pengurusan Majlis), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan), 11 Mac 2018, Kompleks Islam Darul Naim, Jalan Sultan Yahya Petra, 15200 Lundang, Kota Bharu, Kelantan.

Wan Hilmi bin Wan Abdullah, 11 Oktober 2018, Pusat Kelestarian Turath Ismaili, Fakulti Pengajian Islam, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.